



KERAJAAN MALAYSIA

**[FTA (CPTPP)] DOKUMEN TENDER BAGI PROJEK PEMBANGUNAN  
SISTEM *BIG DATA ANALYTICS* (BDA) PERUMAHAN UNTUK  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN.**

**NO TENDER : KPKT/BR/2/2024**

**BAHAGIAN PERANCANGAN PERUMAHAN,  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN,  
NO. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62100 PUTRAJAYA**

**Bagi maklumat lanjut, sila layari laman sesawang <https://www.kpkt.gov.my>**

## 1. KENYATAAN TAWARAN

1.1. PETENDER **MESTILAH** daripada PETENDER yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan masih belum tamat tempoh serta **HENDAKLAH** mempunyai kod bidang seperti berikut:

<b>210102 :</b>	<i>Hardware (high end technology) - All types of server, mainframe, high end printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance (<b>MANDATORI</b>)</i>
<b>210103 :</b>	<i>Software - Supply all computer software, operating system, database, off-the-shelf packages including maintenance (<b>MANDATORI</b>)</i>
<b>210104 :</b>	<i>Software/System Development/ Customization and maintenance including data entry/ data processing (<b>MANDATORI</b>)</i>
<b>210106 :</b>	<i>Data management - Provide services including Disaster (<b>MANDATORI</b>)</i>
<b>210107 :</b>	<i>ICT security and firewall, Encryption, PKI, Anti Virus (<b>MANDATORI</b>)</i>
<b>210110 :</b>	<i>Geographic Information System (GIS) and Services (<b>MANDATORI</b>)</i>

1.2. PETENDER **MESTILAH** berdaftar dengan ePerolehan dan **eP-enabled**. PETENDER mestilah menggunakan Sistem eP dan **MESTILAH eP-enabled** untuk membuat tawaran melalui tender bagi:

**PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM BIG DATA ANALYTICS (BDA)  
PERUMAHAN.**

## **2. TAKLIMAT TENDER**

- 2.1.** Satu sesi taklimat tender akan diadakan kepada PETENDER bagi memberikan gambaran yang jelas mengenai tender ini. Sebarang **pertanyaan** mengenai dokumen tender **HANYA BOLEH DIBUAT semasa taklimat sahaja.**
- 2.2.** Taklimat ini adalah **DIWAJIBKAN** dan PETENDER yang tidak hadir ke taklimat **TIDAK LAYAK** untuk menyertai tender ini.
- 2.3.** PETENDER yang disenarai pendek **PERLU** melaksanakan ***Proof of Concept*** (POC) pada tarikh dan masa yang akan dimaklumkan kelak.
- 2.4.** Setiap PETENDER **DIBENARKAN** diwakili oleh **dua (2) orang sahaja** yang mana salah seorang adalah **penama dalam sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan** ke sesi taklimat.
- 2.5.** Sekiranya terdapat **perubahan tarikh, masa atau tempat taklimat**, PETENDER akan dimaklumkan melalui **Sistem ePerolehan** dan **Sistem MyProcurement**.
- 2.6.** Semua perbelanjaan yang terlibat untuk menghadiri taklimat ini adalah atas tanggungan PETENDER sendiri.
- 2.7.** **Kehadiran petender adalah diwajibkan. Petender yang lewat tiba tidak dibenarkan** untuk masuk ke bilik taklimat. Taklimat akan diadakan seperti ketetapan berikut :

**Tarikh : 27 Mac 2024 (Rabu)**  
**Masa : 10.30 Pagi**  
**Tempat : Bilik Latihan, Aras 25, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya**